

Dadah ditemui selepas lori kemalangan

23 September 2019



Dadah ditemui selepas lori kemalangan

BANGKOK - Polis wilayah Phetchaburi, Thailand merampas kira-kira 450 kilogram methamphetamine bernilai 225 juta baht (RM31 juta) di pasaran gelap daripada sebuah lori 10 tayar yang terbalik selepas melanggar sebuah bulatan di daerah Muang Jumaat lalu, lapor portal berita *Thai PBS* semalam.

EMERGENCY CALL 191 PHETCHABURI
ANGGOTA polis memeriksa sebuah lori yang terlibat dalam kemalangan di lebuhraya Phetkasem, wilayah Phetchaburi, Jumaat lalu.

Pemandu lori yang dikenal pasti sebagai Adinan Laeha, 45, dan anak lelakinya, Wilayan, 18, dilaporkan cedera ringan dalam kemalangan tersebut. Dua beranak itu merupakan penduduk asal daerah Sungai Padi, wilayah Narathiwat.

Kedua-duanya kini ditahan polis untuk soal siasat berkaitan dadah yang ditemui dalam lori mereka.

Lori itu terbalik di lebuhraya Phetkasem berhampiran sebuah jejambatan kira-kira pukul 8.30 malam (waktu tempatan),

mengakibatkan sebahagian daripada kargo dadah tersebut bertaburan di jalan raya.

Pasukan kecemasan yang tiba di tempat kejadian menghubungi pihak polis selepas menemui beberapa bungkusan mencurigakan yang dibalut dengan plastik.

Polis memeriksa sebahagian daripada bungkusan berkenaan dan menemui dadah jenis methamphetamine dengan sebahagian besarnya masih berada di dalam lori tersebut.
- Agensi